



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 47

5hb Disember 2022

TAMBAHAN
No. 1

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang berikut yang akan dibentangkan dalam Dewan Negeri Perlis adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bills about to be introduced in the Legislative Assembly of the State of Perlis are published for general information:

	Muka Surat Page
Enakmen Perbekalan Tahun 2023	3
Supply Enactment 2023	7
Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan) (No. 2) 2022	11
Laws of the Constitution of Perlis (Amendment) (No. 2) Enactment 2022	15
Enakmen Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan Negeri Perlis (Pindaan) 2022	19
Perlis State Education Aid (Amendment) Enactment 2022	23

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Majlis Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tahun 2023.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2023

2. Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Tujuh Juta Lima Ratus Dua Puluh Tujuh Ribu Satu Ratus (RM157,527,100.00) daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2023 adalah dengan ini dibenarkan dan jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

4

2 *Rang Undang-Undang*

JADUAL

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
B01 ...	Pejabat D.Y.M.M. Tuanku Raja Perlis	4,973,000.00
B02 ...	Dewan Undangan Negeri	2,332,000.00
B04 ...	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	45,755,900.00
B05 ...	Pelbagai Perkhidmatan	5,551,200.00
B06 ...	Pejabat Perbendaharaan Negeri	3,918,200.00
B07 ...	Pejabat Perbendaharaan Negeri (Caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun)	13,609,400.00
B09 ...	Jabatan Kerja Raya	23,816,300.00
B11 ...	Jabatan Pertanian	6,518,700.00
B12 ...	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3,827,400.00
B13 ...	Jabatan Pengairan dan Saliran	14,192,900.00
B14 ...	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	1,226,700.00
B15 ...	Jabatan Kebajikan Masyarakat	8,714,400.00
B16 ...	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	5,956,300.00
B17 ...	Jabatan Mufti	1,653,500.00
B18 ...	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	2,546,300.00
B19 ...	Pejabat Pembangunan Negeri	624,290.00
B23 ...	Jabatan Perhutanan	4,313,300.00
B25 ...	Jabatan Tanah dan Galian	7,970,300.00
B57 ...	Membeli Tanah	10.00
JUMLAH		157,527,100.00

Perbekalan

3

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengeluarkan wang dari Kumpulan Wang Disatukan Negeri sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Tujuh Juta Lima Ratus Dua Puluh Tujuh Ribu Satu Ratus (RM157,527,100.00) untuk perkhidmatan bagi tahun 2023 dan supaya jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

PERLIS

Bertarikh 2 Disember 2022

[PUN.Ps. 05/46; SUK.Ps. 05/392 Jld. 6]

MOHD RADHI BIN ABAS
Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis

A BILL

i n t i t u l e d

An Enactment to apply a sum from the Consolidated Fund of the State for the service of the year 2023 and to appropriate that sum for the service of that year.

[]

ENACTED by the Legislature of Perlis as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Supply Enactment 2023.
- (2) This Enactment shall come into operation on 1 January 2023.

Issue and appropriation for the service of the year 2023

2. The issue of a sum not exceeding Ringgit Malaysia One Hundred Fifty Seven Million Five Hundred Twenty Seven Thousand One Hundred (RM157,527,100.00) from the Consolidated Fund of the State for the service of the year 2023 is hereby authorized and that sum is appropriated for purposes specified in the Schedule:

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

8

2

Bill

SCHEDULE

Purpose		Title	Amount
			(RM)
B01	...	Office of His Royal Highness Raja of Perlis	4,973,000.00
B02	...	State Legislative Assembly	2,332,000.00
B04	...	Menteri Besar and State Secretary Office	45,755,900.00
B05	...	Miscellaneous Services	5,551,200.00
B06	...	State Treasury Office	3,918,200.00
B07	...	State Treasury Office (Contribution to Statutory Fund)	13,609,400.00
B09	...	Public Works Department	23,816,300.00
B11	...	Agriculture Department	6,518,700.00
B12	...	Department of Veterinary Services	3,827,400.00
B13	...	Drainage and Irrigation Department	14,192,900.00
B14	...	Town and Country Planning Department	1,226,700.00
B15	...	Social Welfare Department	8,714,400.00
B16	...	Islamic Religious Affairs Department	5,956,300.00
B17	...	Mufti Department	1,653,500.00
B18	...	Syariah Judiciary Department	2,546,300.00
B19	...	State Development Office	624,290.00
B23	...	Forestry Department	4,313,300.00
B25	...	Land and Mines Department	7,970,300.00
B57	...	Purchase of Land	10.00
TOTAL			<u>157,527,100.00</u>

Supply

3

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to provide for the issue from Consolidated fund of the State a sum of Ringgit Malaysia One Hundred Fifty Seven Million Five Hundred Twenty Seven Thousand One Hundred (RM157,527,100.00) for the service of the year 2023 and for that sum to be appropriated for the purposes specified in the Schedule.

PERLIS

Dated 2 December 2022

[PUN.Ps. 05/46; SUK.Ps. 05/392 Jld. 6]

MOHD RADHI BIN ABAS
State Legal Adviser
Perlis

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen bagi meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG ini oleh Majlis Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan) (No. 2) 2022.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2023.

Pindaan Perkara 4

2. Fasal 4(3) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Mana-mana syarat yang lain” perkataan “selain daripada Perkara 5 dan 6,”.

Pindaan Perkara 5

3. Fasal 5(2) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “aman” perkataan “dan tidak boleh dikembangkan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama itu dalam kalangan orang yang menganuti agama Islam”.

Pindaan Perkara 76

4. Perkara 76 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis dipinda dengan menggantikan Fasal 76(1) dengan Fasal yang berikut—

“76. (1) Setakat yang tiada bercanggah dengan syarat-syarat Perlembagaan Persekutuan maka aturan taraf di dalam Negeri ini ialah seperti di bawah ini:

- (a) Duli Yang Maha Mulia Raja;
- (b) Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan;
- (c) Bakal Ganti Raja;
- (d) Warisnya Yang Kedua;
- (e) Menteri Besar;
- (f) Speaker;
- (g) Mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi yang lazimnya menjalankan kuasa dalam dan bagi Negeri Perlis;
- (h) Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (i) Penasihat Undang-Undang Negeri;
- (j) Pegawai Kewangan Negeri;

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan) 3
(No. 2)

- (k) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan menurut susunan tertib yang dipertetapkan oleh Menteri Besar;
- (l) Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis; dan
- (m) Mufti Negeri Perlis”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membuat pindaan kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda Fasal 4(3) untuk memperuntukkan bahawa tertakluk kepada Perkara 4, mana-mana syarat selain Perkara 5 dan 6 boleh dipinda melalui undang-undang yang diperbuat oleh Majlis Undangan Negeri tetapi tidak dengan cara selainnya.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda Fasal 5(2) untuk memperuntukkan bahawa agama lain boleh diamalkan oleh orang memelukinya di mana-mana tempat di dalam Negeri dengan syaratia diamalkan secara aman dan tidak boleh dikembangkan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama itu dalam kalangan orang yang menganuti agama Islam.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda Fasal 76(1) bagi mengubah kedudukan aturan taraf dalam Negeri iaitu meletakkan Speaker pada kedudukan sebelum mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi yang lazimnya menjalankan kuasa dalam dan bagi Negeri Perlis.

Pindaan Fasal 76(1) juga bertujuan memasukkan Waris Yang Kedua ke dalam aturan taraf selepas Bakal Ganti Raja bagi menangani perkara dalam keadaan Bakal Ganti Raja hadir semasa majlis atau berkaitan perkara aturan taraf.

Pindaan Fasal 76(1) juga bertujuan mengubah kedudukan aturan taraf Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri sebelum Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan selaras dengan amalan semasa dan susunan syarat-syarat berkenaan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis di mana kedudukan mereka adalah di Perkara 38 manakala Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah di Perkara 39.

Rang Undang-Undang

Pindaan Fasal 76(1) juga bertujuan menukar gelaran dari “Pegawai besar agama Islam di dalam Negeri itu” kepada “Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis” dan “Mufti Negeri Perlis” selaras dengan amalan semasa dan fungsi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis Mufti sebagai pihak berkuasa utama di Negeri Perlis yang menasihati Raja Pemerintah berkenaan semua perkara Hukum Syarak menurut seksyen 45 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 [*Enakmen 4*].

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

KANGAR, PERLIS

Bertarikh 1 Disember 2022

[SUK.Ps. 05/392 Jld. 6]

MOHD RADHI BIN ABAS

*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis*

A BILL

i n t i t u l e d

An Enactment to amend the Laws of the Constitution of Perlis.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Laws of the Constitution of Perlis (Amendment) (No. 2) Enactment 2022.

(2) This Enactment shall come into operation on 1 February 2023.

Amendment of Article 4

2. Clause 4(3) of the Laws of the Constitution of Perlis is amended by inserting after the words “Any other provisions” the words “other than Article 5 and 6,”.

Amendment of Article 5

3. Clause 5(2) of the Laws of the Constitution of Perlis is amended by inserting after the word “peacefully” the words “and any of such religious doctrine or belief shall not be propagated among persons professing the religion of Islam”.

Amendment of Article 76

4. Article 76 of the Laws of Constitution of Perlis is amended by substituting for Clause 76(1) the following Clause—

“**76.** (1) Subject to the provisions of the Federal Constitution precedence in the State shall be as follows:

- (a) His Royal Highness the Raja;
- (b) Her Royal Highness the Raja Perempuan;
- (c) the Heir Apparent;
- (d) the Heir Presumptive;
- (e) the Menteri Besar;
- (j) the Speaker;
- (g) any judge of the High Court normally exercising jurisdiction in and for the State of Perlis;
- (h) the State Secretary;
- (i) the State Legal Adviser;
- (j) the State Financial Officer;
- (k) the members of the State Executive Council in the order assigned by the Menteri Besar;

Laws of the Constitution of Perlis (Amendment) 3
(No. 2)

(l) Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis; and

(m) The State Mufti of Perlis”.

EXPLANATION

This Bill seeks to amend the Laws of the Constitution of Perlis.

2. *Clause 1* contains the short title and the commencement provision of the proposed Enactment.

3. *Clause 2* seeks to amend Clause 4(3) to provide subject to Article 4, any provisions other than Article 5 and 6 may be amended by an Enactment of the State Legislature but not by any other means.

4. *Clause 3* seeks to amend Clause 5(2) to provide that all religions other than Islam may be practiced by persons professing them in any parts of the State provided that they do so peacefully and any of such religious doctrine or belief shall not be propagated among persons professing the religion of Islam.

5. *Clause 4* seeks to amend Clause 76(1) to reassign the precedence in the State by assigning the Speaker to precede any judge of the High Court normally exercising jurisdiction in and for the State of Perlis.

Amendment of Clause 76(1) also seeks to insert Hair Presumptive in the State precedence after the Hair Apparent to cater the matter in the event the Hair Apparent appears during a ceremony or in relation to precedence matter.

Amendment of Clause 76(1) also seeks to reassign the precedence of the State Secretary, the State Legal Adviser and the State Financial Officer to precede the members of the State Executive Council in accordance with the current practice and the sequence of provisions for the State Secretary, the State Legal Adviser and the State Financial Officer in the Laws of Constitution of Perlis at Article 38 whereas the provisions for the State Executive Council is at Article 39.

Amendment of Clause 76(1) also seeks to change the title of “the principal Islamic religious officer in the State” to the “Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis” and the “State Mufti of Perlis” in accordance with the current practice and the Majlis’ and the Mufti’s functions as the principal authority of the State advising the Sovereign on all Hukum Syarak matters by virtue of section 45 of Administration of the Religion of Islam Enactment 2006 [Enactment 4].

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will not involve the Government in any extra financial expenditure.

KANGAR, PERLIS

Dated 1 December 2022

[SUK.Ps. 05/392 Jld. 6]

MOHD RADHI BIN ABAS

State Legal Adviser

Perlis

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis 1950.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG ini oleh Majlis Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan Negeri Perlis (Pindaan) 2022.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2023.

Pindaan Seksyen 1

2. Enakmen Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis 1950 [*Enakmen 19*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dalam seksyen 1 dengan menggantikan perkataan “Enakmen Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis 1950” perkataan “Enakmen Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan Negeri Perlis 1950”.

Pindaan Seksyen 2

3. Seksyen 2 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam takrif “Lembaga” dengan menggantikan perkataan “Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis” perkataan “Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan Negeri Perlis”; dan
- (b) dalam takrif “Kumpulan Wang” dengan menggantikan perkataan “Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis” perkataan “Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan Negeri Perlis”.

Pindaan Seksyen 3

- 4. Seksyen 3 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis” perkataan “Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan Negeri Perlis”.**

Sebutan dalam undang-undang atau dokumen mengenai Kumpulan Wang

- 5. Sesuatu sebutan dalam mana-mana undang-undang atau dokumen yang berkuat kuasa sebelum tarikh ditetapkan mengenai Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan Negeri Perlis hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis.**

Penerusan penggunaan nama

- 6. Walau apa pun seksyen 5, Lembaga yang ditubuhkan oleh Enakmen ibu boleh terus menggunakan nama “Lembaga Pemegang Amanah bagi Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis” bagi maksud mengekalkan nama baik atau bagi apa-apa maksud yang difikirkan patut oleh Lembaga.**

Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan Negeri Perlis 3
(Pindaan)

Pencegahan anomali

7. (1) Raja dalam Mesyuarat boleh, melalui perintah, membuat apa-apa ubah suaian kepada mana-mana peruntukan Enakmen ini yang difikirkan perlu atau suai manfaat bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan akibat permulaan kuat kuasa Enakmen ini tetapi hanya berkenaan dengan pelaksanaan fungsi dan penjalanan kuasa oleh Lembaga yang ditubuhkan oleh Enakmen ibu.

(2) Raja dalam Mesyuarat tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1) selepas habis tempoh tiga tahun dari tarikh kuat kuasa Enakmen ini.

(3) Dalam seksyen ini, “ubah suaian” ertinya pindaan, tambahan, pemotongan dan penggantian mana-mana peruntukan Enakmen ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis 1950 (“*Enakmen 19*”). Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk meminda nama Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis kepada Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan Negeri Perlis dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya bagi menepati maksud perjalanan semasa Kumpulan Wang.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 1 Enakmen 19 dengan menukar nama Enakmen berdasarkan nama baharu Kumpulan Wang.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Enakmen 19 dengan meminda takrif “Lembaga” dan “Kumpulan Wang” kepada merujuk nama Kumpulan Wang yang baharu.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Enakmen 19 dengan meminda nama “Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis” kepada “Kumpulan Wang Bantuan Pendidikan Negeri Perlis”. Ini memandangkan bantuan pendidikan yang diberikan tidak terhad dalam bentuk biasiswa tetapi juga termasuk pinjaman.

6. *Fasal 5, 6 dan 7* masing-masing memperkatakan mengenai peruntukan penerusan penggunaan nama dan lain-lain perkara yang berbangkit dalam proses pertukaran nama Kumpulan Wang ini.

Rang Undang-Undang

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan sebarang perbelanjaan wang tambahan kepada Kerajaan Negeri Perlis.

KANGAR, PERLIS

Bertarikh 1 Disember 2022

[SUK.Ps. 05/392 Jld. 6]

MOHD RADHI BIN ABAS

*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis*

A BILL

i n t i t u l e d

An Enactment to amend Perlis State Scholarship Fund Enactment 1950.

[]

ENACTED by the Legislature of Perlis as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Perlis State Education Aid (Amendment) Enactment 2022.

(2) This Enactment shall come into operation on 1 February 2023.

Amendment of section 1

2. The Perlis State Scholarship Fund Enactment 1950 [*Enactment 19*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended in section 1 by substituting for the words “Perlis State Scholarship Fund Enactment 1950” the words “Perlis State Education Aid Enactment 1950”.

Amendment of section 2

3. Section 2 of the principal Enactment is amended—

(a) in interpretation “the Board” by substituting for the words “Perlis State Scholarship Fund” the words “Perlis State Education Aid Fund”; and

(b) in interpretation “the Fund” by substituting for the words “Perlis State Scholarship Fund” the words “Perlis State Education Aid Fund”.

Amendment of section 3

4. Section 3 of the principal Enactment is amended by substituting for the words “Perlis State Scholarship Fund” the words “Perlis State Education Aid Fund”.

Reference in law or document to the Fund

5. A reference in any law or document in force immediately before the appointed date to the Perlis State Scholarship Fund shall be construed as a reference to the Perlis State Education Aid Fund.

Continuance of use of name

6. Notwithstanding sections 7, the Board established by principal Enactment Act may continue to use the name “the Board of Trustees of the Perlis State Scholarship Fund” for the purpose of maintaining goodwill or for any purpose the Board deems fit.

Perlis State Education Aid (Amendment)

3

Prevention of anomalies

7. (1) The Ruler in Council may, by order, make such modifications in the provisions of this Enactment as its deems necessary or expedient for the purpose of removing any difficulty occasioned by the coming into operation of this Enactment only as regards the performance of the functions and the exercise of the powers by the Board established under principal Enactment.

(2) The Ruler in Council shall not exercise the powers conferred by subsection (1) after the expiration of three years from the date this Enactment come into force.

(3) In this section, “modification” means amendments, additions, deletions and substitutions of any provision of this Enactment.

EXPLANATION

This Bill seeks to amend the Perlis State Scholarship Fund Enactment 1950 (“*Enactment 19*”). The proposed amendment seeks to change the name of the Perlis State Scholarship Fund to the Perlis State Education Aid Fund and related matters to meet the current operation of the Fund.

2. *Clause 1* contains the short title and the commencement provision of the proposed Enactment.

3. *Clause 2* seeks to amend section 1 Enactment 19 by changing the name of Enactment based on the new name of the Fund.

4. *Clause 3* seeks to amend section 2 Enactment 19 by amending the definitions of “Board” and “Fund” to refer to the new name of the Fund.

5. *Clause 4* seeks to amend section 3 Enactment 19 by changing the name of the “Perlis State Scholarship Fund” to “Perlis State Education Aid Fund”. This is because the educational aid provided is not limited in the form of scholarships but also includes loans.

6. *Clause 5, 6 and 7* respectively deal with the provision for the continuation of the use of the name and other matters arising in the process of changing the name of this Fund.

Bill

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will not involve the State Government in any extra financial expenditure.

KANGAR, PERLIS

Dated 1 December 2022

[SUK.Ps. 05/392 Jld. 6]

MOHD RADHI BIN ABAS

State Legal Adviser

Perlis

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA